



### Ayat Suci Minggu ini

Yehezkiel 37: 12-14  
Mazmur 129  
Roma 8: 8-11  
Yohanes 11: 1-45 (atau 11: 3, 7, 17, 20-27, 33-45)



“Prapaskah ialah masa rahmat, masa untuk pertobatan, dan masa untuk kembali pulang kepada Allah”.

- Sts. Maximilian Kolbe

EDARAN DALAMAN SAHAJA  
BUL 12/2026

Namun, kita tetap menyaksikan kesihatan semakin merosot dan orang yang kita kasihi meninggal dunia. Kalaulah Yesus hadir, tentu perkara ini dapat dielak.

Dengan membangkitkan Lazarus daripada kematian, Tuhan menyatakan hal ini: AKU bersama kamu. Aku rela menyertai kamu dalam penderitaanmu. Yesus, Emmanuel, Allah-Beserta-Kita, menyertai kita bukan dengan menghalang kematian, tetapi dengan mati bersama kita dan untuk kita. Kemudian Dia memulakan pembaharuan seluruh ciptaan dengan bangkit daripada kematian.

Mukjizat sebenar dalam kisah ini BUKAN sekadar Lazarus dihidupkan semula, walaupun hal itu sangat mengagumkan dan penting. Marta dan Maria menginginkan mukjizat, dan mereka menerimanya. Namun kebenaran yang lebih besar ialah Yesus bukan sekadar pembuat mukjizat, Dia ialah kebangkitan dan kehidupan. Mukjizat memang indah, tetapi ia tidak menyelesaikan masalah terdalam kita. Walaupun kita menginginkannya, Allah tidak bertindak hanya mengikut kehendak atau waktu yang kita tetapkan.

Yesus Kristus menawarkan sesuatu yang lebih besar dan jauh lebih baik. Bukan kehidupan yang selesa, tetapi kehidupan yang baharu. Dia menjanjikan kepada kita bukan sekadar umur yang panjang, tetapi sesuatu yang lebih baik daripada itu, iaitu kehidupan kekal. Dialah mukjizat sebenar dalam kisah ini. Dialah jawapan terakhir dan muktamad bagi setiap doa. **Dialah kebangkitan dan kehidupan. Bukan sekadar dihidupkan semula, tetapi kebangkitan. Bukan sekadar memulihkan keadaan lama, tetapi pembaharuan yang baharu.** Yesus telah mengalahkan dosa, kematian dan neraka. Jika kita percaya kepada-Nya, maka kita akan memperoleh kehidupan, iaitu kehidupan kekal. Tuhan kita menjanjikan ini: “Akulah kebangkitan dan kehidupan. Barangsiapa percaya kepada-Ku, walaupun dia sudah mati, dia akan hidup; dan setiap orang yang hidup serta percaya kepada-Ku tidak akan mati selama-lamanya.” Kemudian Tuhan bertanya, “Percayakah kamu akan hal ini?” Menjadi harapan dan doa saya agar setiap daripada kamu memberikan jawapan yang benar. “Ya Tuhan, aku percaya bahawa Engkau adalah Kristus, Anak Allah, yang datang ke dalam dunia ini.” AMIN! Dalam Dia, kita adalah satu. ✠

Sumbangan oleh: Pejabat Pembangunan Manusia Keuskupan Agung (AOHD)  
Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

# NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH | Hari Minggu Ke-5 Prapaskah | 22 Mac 2026

RENUNGAN PRAPASKAH 5

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

*Umat Untuk Pemuridan Misionari*

FOKUS BULANAN: EKOLOGI: Memulihkan Rumah Kita Bersama



## “Dalam Tuhan, Kita Adalah Satu”

Kekecewaan yang dirasakan oleh saudara perempuan Lazarus bergema dalam diri ramai antara kita. Setelah segala usaha perubatan dilakukan dan dalam keadaan terdesak, kita berpaling kepada Tuhan dengan harapan akan suatu penyembuhan yang ajaib.